

# GARIS PANDUAN PENGANJURAN KEMPEN DERMA DARAH

## TUJUAN

Garis Panduan Penganjuran Kempen Derma Darah adalah untuk memberikan panduan yang jelas dan sistematik kepada penganjur dalam merancang, melaksanakan, dan mengurus kempen derma darah agar kempen tersebut berjaya dan memberikan impak yang positif kepada komuniti

## KAEDAH PENGANJURAN

### 1) UNIT BERGERAK ATAU MOBILE

- 1.1. Lokasi di dalam bangunan
- 1.2. Sasaran penderma: minima 50 penderma hingga 100 penderma
- 1.3. Tempoh masa kempen: 5 jam untuk hari bekerja dan hari cuti (tertakluk kepada kesesuaian). Masa cadangan;
  - 9.00 pagi - 2.00 petang
  - 10.00 pagi - 4.00 petang
  - 11.00 pagi - 4.00 petang
  - 12.00 pagi - 5.00 petang
- 1.4. Tempoh masa kempen di lokasi Pusat Membeli Belah/ *Shopping Mall* :
  - 10.00 pagi - 5.00 petang
  - 11.00 pagi - 5.00 petang
- 1.5. Keluasan 40 kaki x 40 kaki (minimum) – bergantung kepada jumlah sasaran penderma
- 1.6. Tempat yang selesa, sesuai untuk berkumpul, berhawa dingin atau berkipas, terang, tidak panas, peredaran udara yang baik dan jauh dari bunyi bising dan tempat tidak tersorok
- 1.7. Kemudahan tempat *loading* yang bersesuaian untuk tujuan pemunggahan barang
- 1.8. Kemudahan asas - bekalan air dan elektrik, tandas dan surau/ ruang kecil yang bersih untuk solat
- 1.9. Penganjur perlu menyediakan minima 8 unit meja panjang (contoh ukuran: 2 kaki x 4 kaki) dan 20 unit kerusi sandar
- 1.10. Kipas yang secukupnya juga diperlukan jika lokasi derma darah tiada penghawa dingin

### 2) UNIT BERGERAK - BAS PUSAT DARAH NEGARA

- 2.1. Sasaran penderma: minima 30 orang, maksima 50 orang
- 2.2. Tempoh masa : 5 jam
- 2.3. Sekurang-kurangnya 6 lot parkir kenderaan diperlukan
- 2.4. Kawasan berbumbung seperti lobi, foyer atau bilik seluas 20 kaki x 20 kaki diperlukan berdekatan BAS PDN bagi kaunter pra pendaftaran (isi borang, saringan kesihatan (berat badan, kumpulan darah, paras hemoglobin), sesi temuduga bersama doktor dan pendaftaran penderma)

- 2.5 Kemudahan asas - bekalan air dan elektrik, tandas dan surau/ruang kecil yang bersih untuk solat
- 2.6 Penganjur perlu menyediakan minima 4 unit meja Panjang panjang (contoh ukuran: 2 kaki x 4 kaki) dan 10 unit kerusi sandar
- 2.7 Kipas yang secukupnya juga diperlukan jika lokasi derma darah tiada penghawa dingin

### LOKASI KEMPEN

- 1) Kempen derma darah **TIDAK BOLEH** dilaksanakan sekiranya lokasi yang disediakan adalah seperti berikut:
  - Bertangga dan tiada kemudahan lif untuk membawa peralatan derma darah
  - Tiada kemudahan *loading* yang sesuai
  - Tempat panas dan terbuka dengan suhu tidak melebihi **30°C** seperti padang/khemah/ gelanggang badminton, bola keranjang dan ruang tertutup
  - Pencahayaan yang suram dan terhad

### PROMOSI DAN PUBLISITI

- 1) Pusat Darah Negara akan membekalkan poster dan risalah
- 2) Maklumat jadual kempen akan dimuatnaik di laman sesawang rasmi Pusat Darah Negara (sekiranya perlu)
- 3) Pusat Darah Negara akan menghantar hebahan kepada media cetak dan elektronik (tertakluk kepada persetujuan media yang berkenaan)
- 4) Pihak penganjur hendaklah mengambil inisiatif untuk memberi kesedaran kepada penderma mengenai Kempen Derma Darah seperti tindakan di bawah;

#### Contoh:

- Membuat hebahan menggunakan email dan sms atau menggunakan media social seperti *Facebook, X app, Instagram dan WhatsApp's*
- Mengeluarkan notis pengumuman atau poster sebagai hebahan tentang kempen derma darah yang dijalankan sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh kempen
- Membuat hebahan melalui media cetak dan elektronik
- Pengumuman seperti berkempen melalui PA sistem dan sebagainya dilakukan sebagai mengingatkan orang ramai tentang kempen yang diadakan
- Mengadakan ceramah/ pameran oleh Pusat Darah Negara sebelum kempen berlansung

### MINUMAN RINGAN

- 1) Pusat Darah Negara hanya menyediakan makanan dan minuman ringan (minuman kotak, roti dan biskut) untuk penderma selepas mereka menderma darah sahaja

# GARIS PANDUAN PENGANJURAN KEMPEN DERMA DARAH

## PERINGATAN BAGI PENGANJURAN PERTAMA KALI

- 1) Penganjur yang **pertama kali** menganjurkan kempen derma darah tidak dibenarkan meletakkan sasaran penderma darah yang tinggi dan tidak realistik (melebihi 200 orang penderma)
- 2) Penganjuran kali pertama perlu melakukan **soal selidik/ tinjauan** untuk mendapatkan jumlah minima penderma 50 orang. Sila sertakan senarai nama penderma beserta no telefon dan kad pengenalan kepada Pusat Darah Negara
- 3) Penganjur yang tidak mendapat jumlah minima (50 orang penderma) dialu-alukan untuk datang menderma di Pusat Darah Negara secara berkumpulan.
- 4) Tarikh penganjuran kempen perlu ditempah sekurang-kurangnya satu atau dua bulan sebelum tarikh kempen bagi hari bekerja dan untuk hujung minggu dan cuti umum sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum
- 5) Untuk penganjuran kempen derma darah seluruh negara ianya hendaklah dirancang sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh kempen
- 6) Program kempen derma darah merupakan program khidmat masyarakat yang bertujuan untuk membantu pesakit. Justeru, program seperti ini adalah **TIDAK DIGALAKKAN** untuk tujuan mendapat *Anugerah Malaysia Book Records*
- 7) **Pembatalan kempen** derma darah perlu dilakukan dengan pemberian notis bertulis sekurang-kurangnya **dua minggu** sebelum tarikh kempen.
- 8) Aktiviti pendermaan darah merupakan aktiviti sukarelawan. Oleh itu, TIADA sebarang bayaran dikenakan untuk penganjuran kempen pendermaan darah. Malahan, Pusat Darah Negara sentiasa mengalu-alukan penyertaan dan kerjasama orang ramai bagi meningkatkan kesedaran dan pendermaan darah oleh masyarakat umum